

Pemuda sifatkan Mahathir 'Arkitek Malaysia Modern'

KUALA LUMPUR, 7 Nov. — Pergerakan Pemuda UMNO petang ini meluluskan satu usul tergempar untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang disifatkan sebagai 'Arkitek Malaysia Modern'.

Usul itu dibuat atas sumbangan, peranan serta wawasan yang digariskan oleh Perdana Menteri di peringkat antarabangsa dan dalam negeri.

Ketua Penerangan Pemuda UMNO, Senator

Haji Zahid Hamidi ketika membentangkan usul itu berkata, ia dibuat oleh Majlis Tertinggi UMNO sebagai menyatakan rasa bangga dengan kepimpinan beliau.

"Penghargaan ini dibuat kerana rasa kagum kita dengan kepimpinan Perdana Menteri berikutnya perlantikan beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Tertinggi Komanwel, Pengerusi Jawatankuasa III Mengenai Hal Ehwal Afrika Selatan dan menjadi juru bicara dunia ketiga," ujarnya.

8 NOV 1991